

PENGENALAN PENSIJILAN MYORGANIC



Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti
Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Putrajaya



ISI KANDUNGAN

- Pengenalan myOrganic
- Skop Pensijilan myOrganic
- Kebaikan myOrganic
- Kelebihan Hasil Dari Ladang myOrganic
- Keperluan Perundangan Dan Bahan Rujukan
- Pelaksanaan Skim Pensijilan myOrganic
- Prosedur permohonan myOrganic
- Maklumat berkenaan myOrganic
- Kesimpulan

myOrganic

Pengenalan

myOrganic merupakan penjenamaan semula skim pensijilan organik yang lebih komprehensif dan menggabungkan subsektor tanaman, ternakan dan akuakultur untuk mengiktiraf ladang yang diusahakan secara organik mengikut syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

myOrganic mula diperkenalkan pada tahun 2015. Pelaksanaan myOrganic berpandukan Program Jaminan Kualiti meliputi jenis ternakan ayam yang selamat untuk pengguna.

Skop Pensijilan myOrganic

1. Menjalankan pemeriksaan veterinar ke atas ladang yang meliputi aspek-aspek penting penting dalam pengeluaran ternakan organik seperti sumber makanan, sumber ternakan dan pengurusan ternakan
2. Ternakan atau hasil ternakan daripada ladang yang mempunyai pensijilan myOrganic dibenarkan menggunakan logo myOrganic.
3. Aspek penyembelihan tidak termasuk di dalam skop pensijilan myOrganic pada masa sekarang.

Logo myOrganic



- Logo myOrganic bermaksud logo yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- Merupakan lambang kualiti yg dianugerahkan kepada ladang ternakan di bawah pensijilan myOrganic
- Menandakan ladang ternakan berkenaan telah akur sepenuhnya kepada syarat dan keperluan pensijilan myOrganic.

KEBAIKAN myOrganic

- a) Pemakanan berkhasiat yang memanfaatkan penggunaan pelbagai bahan organik dan herba dapat meningkatkan daya tahan daripada serangan penyakit dan proses penuaan.
- b) Ayam organik cenderung lebih sedikit mengandung lemak daripada ayam yang dipelihara secara komersial.
- c) Daging ayam organik lebih lembut dan lebih tinggi mengandung nutrisi daripada ayam komersial.
- d) Meningkatkan keyakinan pengguna

Kelebihan Hasil Dari Ladang myOrganic

1. Dijamin organik, berkualiti dan selamat dimakan.

- Ternakan dan hasil ternakan dari ladang myOrganic dijamin organik, berkualiti dan selamat dimakan dan lulus analisis makmal
- Ternakan dan hasil ternakan ayam daripada ladang organik adalah bebas hormon, vaksin dan antibiotik yang kebiasaannya digunakan dalam penternakan ayam secara konvensional.

2. Bebas daripada bahan kimia sintetik

- Amalan di ladang yang tidak menggunakan bahan kimia sintetik
- Kawalan perosak menggunakan kawalan biologik, mekanikal dan fizikal

3. Memelihara alam sekitar

Amalan di ladang yang mengekalkan biodiversity dan sumber biologic


4. Bebas GMO (Genetically Modified Organisma)

Penggunaan GMO tidak dibenarkan sama sekali

KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN BAHAN RUJUKAN

- Akta Binatang, 1953 (Semakan 2006) [Akta 647]
- Akta Doktor Veterinar, 1974 [Akta 147]
- Buku garis panduan *Organic chicken production*
- Skim Organik Malaysia (SOM)
- MS 2027:2006, *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)*
- Buku-buku panduan Amalan Baik Penternakan Haiwan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, MOA.
- Protokol Veterinar Malaysia : Kawalan Penyakit

BAHAN RUJUKAN myOrganic



Terbitan DVS



Terbitan DOA

PELAKSANAAN SKIM PENSIJILAN myOrganic

Mendokumentasikan elemen myOrganic iaitu Amalan Penternakan Baik (*Good Animal Husbandry Practice* – GAHP) yang merangkumi program pengurusan :

1. Kemudahan dan Pengurusan Ladang
2. Pengurusan Sumber Ternakan
3. Pengurusan Sumber Makanan
4. Pengurusan Sumber Minuman
5. Pengurusan Program Kesihatan
6. Penggunaan ubat-ubatan
7. Pengurusan Pencemaran dan Kawalan Makhluk Perosak

1. Kemudahan dan Pengurusan Ladang

- a. Pengusaha ladang perlu mewujudkan program biosekuriti untuk mencegah kemasukan agen pembawa penyakit ke ladang.
- b. Susun atur ladang yang sesuai dan infrastruktur yang menyokong biosekuriti ladang.
- c. Lokasi premis di kawasan yang tidak mudah banjir
- d. Menyediakan bangunan dan kemudahan yang sesuai dengan operasi yang dijalankan samada secara lepas bebas atau reban
- e. Menyediakan peralatan yang sesuai

Kemudahan dan Pengurusan Ladang



Penternakan secara lepas
bebas



Penternakan secara dalam
reban

Kemudahan dan Pengurusan Ladang



Pagar di sekeliling ladang



Pintu pagar sentiasa di tutup



Pencelup kaki (Footdip)



Vehicle Spray

2. Pengurusan Sumber Ternakan

a. Sumber ternakan perlu dari:

- Ladang organik
- atau adang bukan organik tetapi menjalani pengurusan secara organic

b. Ayam yang ditenak dengan mematuhi standard penternakan organik.

3. Pengurusan Sumber Makanan

a. Sumber makanan mestilah dari:

- Semula jadi: pastura/foraj (lepas bebas)
- Campuran sendiri

(Makanan ayam organik daripada sumber daripada tumbuh-tumbuhan herba.

Kaedah ayam organik ini diberi makan ekstrak herba yang kaya dengan bahan antioksidan dan antikanser seperti halia, kunyit, pandan, habbatus sauda, limau purut dan lain-lain)

Sumber makanan ternakan daripada kilang yang berdaftar dengan Jabatan

(Tempoh pemberian dedak komersial dibenarkan sehingga 3 minggu

Konvensional : Mana-mana bahan, pengeluaran atau amalan pemprosesan yang tidak organik atau dalam tempoh peralihan kepada organik).

c. Tidak semestinya bebas genetically engineered/ modified organism (GMO) tetapi cukup sekadar daripada bahan semulajadi

e. Mutu dan kebersihan makanan hendaklah dipantau dari masa ke semasa (ujian analisa makanan)

Pengurusan Sumber Makanan



4. Pengurusan Sumber Air Minuman

- Sumber air samada JBA atau semula jadi
- Air minuman perlulah daripada sumber yang bersih dan selamat untuk diminum.
- Pencermaran air minuman hendaklah dielakkan.
- Bekas menyimpan air minuman tidak diperbuat daripada bahan beracun.
- Kualiti air (pH, kandungan kimia, kuman, logam, bau, warna) perlu dipantau dari masa ke semasa (ujian kualiti air)

5. Program Kesehatan Ternakan

- a. Memastikan ternakan sihat dan program kesehatan ternakan dikawal selia
- b. Program Vaksinasi & Jenis Vaksin (Jika ada)
- c. Program Pemantauan Penyakit dan Keputusan
- d. Rekod Lawatan Doktor Veterinar Swasta (Jika ada)

6. Pengurusan Ubat-ubatan

a. Perubatan alternative

Pelbagai amalan penjagaan kesihatan untuk rawatan atau pencegahan, seperti perubatan herba, homeopati dan naturopati yang tidak mengikuti kaedah perubatan konvensional dan mungkin tidak mempunyai penjelasan saintifik untuk keberkesanannya.

b. Penggunaan ubat-ubatan/ antibiotik dikurangkan atau dielakkan sama sekali dalam amalan ini. Sekiranya diperlukan, penggunaan ubat- ubatan dibenarkan dan mestilah terkawal dan mengikut arahan pengilang/preskripsi doktor veterinar

d. Jenis Ubat /antibiotik (penggunaan antibiotik dibenarkan semasa 'outbreak' dengan syarat "withdrawal period" antibiotik dipatuhi)

e. Ternakan yang dirawat di dalam kumpulan/ batch tidak boleh dijual/ diistighar sebagai ternakan organic

f. Tujuan untuk mengelak terdapat residu ubat dalam rantaian makanan

7. Pengurusan Pencemaran Dan Kawalan Mahkluk Perosak

Pengurusan Pencemaran

- a. Pengusaha ladang perlu memastikan aktiviti ladang tidak mencemarkan persekitaran (air, tanah, bau, udara)
- b. Pengurusan sisa ladang seperti:
 - Tempat pelupusan ternakan mati –tanam dan deep-pit
 - Tempat pelupusan sampah
 - Tempat pelupusan mestilah jauh dari bangunan penternakan ternakan dan sumber air
- c. Mengurus pencemaran seperti:
 - Pencemaran lalat
 - Pencemaran bau

Protokol Kawalan

- a. Mahkluk perosak seperti burung liar, biawak, tikus, anjing dan lain-lain
- b. Kaedah pengawalan mahkluk perosak seperti perangkap tikus dan lain-lain.
- c. Melaksanakannya dengan betul.
 - Menilai keberkesanan protokol dari masa ke semasa dan diperbaiki ketika perlu.
 - Merekod tangkapan tikus
- d. Menyediakan program kawalan makhlok perosak secara bertulis dokumen kawalan

7. Pengurusan Pencemaran Dan Kawalan Mahkluk Perosak

Pengurusan Pencemaran



Kawasan pelupusan bangkai ternakan ditanam



Kawalan Mahkluk Perosak



Perangkap tikus



Perangkap biawak

PROSIDUR PERMOHONAN




Kriteria Permohonan myOrganic

Pelaksanaan skim pensijilan myOrganic adalah berdasarkan Amalan Penternakan Baik (Good Animal Husbandry Practice - GAHP) yang merangkumi kriteria berikut:

- Pengurusan sumber ternakan
- Pengurusan sumber makanan ternakan
- Penggunaan probiotik, vitamin dan ubat-ubatan herbal
- Program Biosekuriti
- Sistem perumahan dan pengurusan

Carta Aliran Permohonan myOrganic



Prosedur Permohonan myOrganic

BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan myOrganic No. 1 boleh diperolehi:

- Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
- atau muat turun daripada Portal Rasmi Jabatan Perkhidmatan Veterinar, <http://www.dvs.gov.my>.

Pemohon perlu sertakan Manual Program Amalan Penternakan Baik (GAHP) dan dokumentasi mengandungi maklumat-maklumat penternakan secara organik

PERMOHONAN myOrganic BOLEH DIHANTAR KEPADA :

Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti

Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Tingkat 2, Blok Podium 1A, Lot 41,

Wisma Tani, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62630 Putrajaya

MAKLUMAT BERKENAAN



MAKLUMAT BERKENAAN myOrganic

Kadar Caj Perkhidmatan:

- Sebarang bayaran tidak dikenakan untuk perkhidmatan dan pensijilan myOrganic.
- Walau bagaimanapun, kerajaan mempunyai hak untuk mengenakan bayaran yang relevan dan berpatutan ke atas semua jenis perkhidmatan yang dibekalkan, jika perlu.

Tempoh sah laku sijil:

Tempoh sah laku sijil myOrganic adalah dua tahun

Pembatalan Sijil:

- Perubahan lokasi premis operasi selain daripada yang didaftarkan ketika penganugerahan.
- Perubahan dalam pengurusan ladang yang dibuat tanpa pengetahuan pihak DVS.
- Penarikan diri daripada program secara sukarela.

KESIMPULAN

Amalan penternakan organik adalah baik

- Meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pengguna kerana kesedaran masyarakat akan keburukan memakan ayam yang disuntik antibiotik secara berlebihan ini kerana ia akan menyebabkan kesan negatif ke atas manusia.
- Meningkatkan keuntungan penternak dari segi penjimatan kos pemberian makanan ayam komersil



TERIMA KASIH